



Kesan Perkembangan Pendidikan Sekolah Mubaligh di Kuching, 1848-1963

The impact of the Development of Missionary School Education in Kuching, 1848-1963

Siti Nuraisah Halmi, Khairi Arifin

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Email: aishahalmi24@gmail.com

Received: 23 December 2019; Accepted: 04 November 2020; Published: 30 November 2020

To cite this article (APA): Halmi, S. N., & Arifin, K. (2020). The impact of the Development of Missionary School Education in Kuching, 1848-1963. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 12(2), 33-41. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol12.2.4.2020>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol12.2.4.2020>

Abstrak

Artikel ini membincangkan sejarah perkembangan pendidikan sekolah mubaligh di Kuching semasa Sarawak di bawah pemerintahan *British Crown Colony* atau Raja-raja Brooke sehingga Sarawak mencapai kemerdekaan. Perkembangan pendidikan yang dialami oleh masyarakat di Sarawak ibarat pembukaan 'dunia baru' terutamanya kepada golongan etnik Dayak di Kuching kerana kehadiran Brooke telah berjaya mengubah cara hidup mereka. Sehubungan dengan itu, artikel ini akan melihat kesan perkembangan pendidikan sekolah mubaligh yang telah membawa kepada penyebaran agama Kristian, penggunaan bahasa Inggeris, serta perubahan dari segi aspek budaya dan sosial masyarakat di Kuching. Kajian ini merupakan hasil daripada olahan dan penilaian rujukan sumber dokumen primer dan sekunder dari Arkib Negara serta Arkib Negeri Malaysia dan perpustakaan universiti awam Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perkembangan pendidikan barat telah membawa kepada perkembangan agama Kristian kepada masyarakat Dayak khususnya serta turut mempengaruhi masyarakat Melayu terutamanya dari aspek pemakaian dan hiburan. Secara keseluruhannya, artikel ini menunjukkan bahawa perkembangan pendidikan barat serta penyebaran agama Kristian telah memberikan impak kepada golongan etnik Dayak kerana melalui perkembangan pendidikan di sekolah mubaligh ini telah mampu mengubah cara pemikiran, cara hidup dan kepercayaan golongan masyarakat Dayak. Pengaruh pendidikan barat ini juga telah memberikan kesan terhadap perubahan sosial masyarakat Melayu sehingga kini.

Kata kunci: pendidikan, Dayak, Kristian, Bahasa Inggeris, budaya Barat.

Abstract

This article discusses the history of the development of missionary school education in Kuching when Sarawak was under the rule of the British Crown Colony or the Brooke Kings until Sarawak achieved its independence. The educational development experienced by the people of Sarawak was like an opening of a 'new world', especially to the Dayak ethnic groups in Kuching as Brooke's presence had changed their way of life. In this regard, this article examines the impact of the development of missionary school education that has led to the spread of Christianity, the use of English, and the changes in the cultural and social aspects of the community in Kuching. This study is the result of processing and evaluating references of primary and secondary source documents from the National Archives and the State Archives of Malaysia as well as public university libraries. The findings indicate that the development of western education has led to the development of Christianity to the Dayak community, in particular, and also affect the Malay community, especially in terms of dressing and entertainment. Overall, this article shows that the development of western education and the spread of Christianity have had impacts on the Dayak ethnic group because through the development of missionary school education has been able to change the way of thinking, the way of life and beliefs of the Dayak community. The influence of western education also has an impact on social change in the Malay community until today.

Keywords: education, Dayak, Christian, English, Western culture





Pengenalan

Pembukaan sekolah mubaligh di Kuching memberikan pelbagai impak kepada masyarakat Bumiputera di Sarawak terutamanya dari segi aspek sosial. Kedatangan pemerintahan Brooke berjaya mengubah cara hidup dan kepercayaan etnik Dayak kerana sebelum kedatangan ajaran agama Kristian, golongan masyarakat ini dikatakan tidak bertamadun kerana sikap mereka yang ganas dan suka memberontak. Berbeza dengan golongan masyarakat Melayu yang gaya hidupnya lebih teratur dari segi sosiobudaya. Orang Melayu telah diterapkan dengan ajaran agama Islam sebelum kedatangan James Brooke di Kuching. Pengaruh agama Islam telah menyebabkan masyarakat Melayu hidup dalam perpaduan kerana telah diterapkan dengan nilai-nilai Islam. Namun, kedatangan Rajah Brooke ke Sarawak turut membawa perubahan yang drastik dari aspek sosial dan budaya dalam kalangan masyarakat Melayu di Sarawak khususnya di kawasan Kuching yang merupakan pusat pemerintahan utama Brooke.

Isu dan Permasalahan

Kajian ini secara keseluruhannya berfokuskan kepada perkembangan pendidikan sekolah mubaligh dan implikasinya terhadap etnik Dayak dan masyarakat Melayu khususnya di Kuching, 1848-1963. Penubuhan sekolah mubaligh telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada kaum Iban, Bidayuh dan Cina. Namun, berbeza dengan masyarakat Melayu yang tidak menerima sepenuhnya sistem pendidikan Inggeris kerana sekolah mubaligh yang ditubuhkan berorientasikan Kristianisasi serta bersifat sekular yang berlainan coraknya dengan sistem pendidikan masyarakat Melayu di bahagian Kuching.

Kurikulum yang diperkenalkan oleh Brooke adalah lebih berfokuskan kepada 3M iaitu membaca, menulis dan mengira serta berorientasikan ajaran agama Kristian. Antara objektif dalam polisi pendidikan yang telah ditetapkan oleh pemerintahan kolonial di Sarawak adalah untuk mengatasi jurang tahap pendidikan masyarakat pribumi antara kaum Cina dengan menyediakan kemudahan asas serta peluang pendidikan yang lebih baik untuk masyarakat Melayu dan Dayak. Kerajaan kolonial telah memperkenalkan asas pendidikan yang berasaskan kepada nilai kerakyatan yang sama, persaudaraan, kesetiaan dan kemahiran. Pengenalan kurikulum ini telah menghakis budaya dalam kalangan masyarakat pribumi Sarawak sekaligus bertujuan menjadi medium bagi memperbaiki taraf hidup masyarakat ke arah yang lebih baik.

Metodologi Penyelidikan

Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi analisis dokumen dan manuskrip serta kajian lapangan. Kaedah ini merujuk kepada sumber primer yang merujuk kepada sebuah kandungan atau perkara penting bagi penilaian yang akan dilakukan pada mutu dan kualiti yang terkandung di dalamnya. Sumber primer ini akan dilakukan melalui kutipan data-data yang bersifat asli dan tanpa tafsiran mana-mana pihak (Sugeng Priyadi, 2012, 2). Antara sumber primer yang digunakan dalam kajian ini adalah dokumen rasmi kerajaan dari *District Office*, *Sarawak Government Servant*, *Resident Office*, *Annual Report*, *Sarawak Gazette*, *Ministry of Local Government*, *Education Department*, *Recruitment of Labour* dan *Public Record Office*. Bahan-bahan primer ini diperolehi di Arkib Negara di Kuala Lumpur, Arkib Negeri Sarawak, Kuching dan Jabatan Perangkaan Negeri Sarawak. Di samping itu, pengkaji turut menggunakan sumber sekunder. Bahan penulisan dan karya sejarawan akan diteliti dan difahami bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan dengan sektor pentadbiran dan perkhidmatan awam yang disediakan oleh pihak kolonial. Bahan-bahan ini diperolehi daripada Perpustakaan Tuanku Bainun, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Negara Kuala Lumpur dan Pustaka Negeri Sarawak. Penggunaan kedua-dua sumber tersebut akan diteliti secara mendalam dan kritikal agar kajian yang dilakukan bersifat ilmiah dan mempunyai kesahan yang tinggi.



Dapatan Kajian

Penyebaran Agama Kristian

Semasa di bawah pemerintahan James Brooke di Sarawak (1841-1941), Brooke telah mengamalkan dasar bebas dan tidak mengganggu adat istiadat masyarakat di Sarawak khususnya kawasan Kuching. Sepanjang pemerintahannya selama 27 tahun, tidak wujudnya penubuhan sekolah kerajaan yang dikhususkan untuk masyarakat Melayu kerana orang Melayu pada ketika itu mempunyai sekolah pondok atau sekolah agama mereka sendiri untuk menyebarkan ajaran agama Islam dalam kalangan masyarakat Melayu dan Melanau khususnya (Cooper, 1968, 81). Perkembangan ajaran Islam ini telah menyebabkan James Brooke memberi galakan dan menyokong penubuhan sekolah-sekolah yang dikendalikan oleh badan dakwah Kristian, iaitu mazhab Anglikan dan Katholik (Temu bual dengan Principal Smk St. Teresa Kuching, Sarawak)

Pembukaan sekolah mubaligh ini telah menjadi medium utama penyebaran ajaran Kristian (Sarawak Museum Department, 1950). Antara usaha pihak Brooke adalah menerbitkan buku yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Iban. Penerbitan buku yang pertama oleh badan dakwah Katholik adalah pada tahun 1886 yang berjudul '*A Year Liguori's Thoughts on Death*' oleh Fr. Dunn (Rooney, 1981, 141). Setahun selepas penerbitan buku ini, Fr. Dun telah menulis buku yang berkaitan dengan persoalan serta jawapan yang berkaitan dengan ajaran agama Kristian yang berjudul '*Surat Pengajaran Kristian*'.

Penerbitan buku ini telah membawa kepada pengenalan agama Kristian terhadap golongan etnik Dayak. Melalui usaha Brooke telah mengubah kehidupan masyarakat etnik Dayak terutamanya yang menetap di kawasan pedalaman yang mengamalkan kepercayaan animisme. Namun, Brooke sedar bahawa Sarawak dipelopori oleh pembesar-pembesar Melayu Brunei yang telah mendapat sokongan ketua-ketua Melayu Sarawak, dan keadaan ini telah menyebabkan James Brooke berikrar tidak akan mencampuri atau mengganggu adat dan agama penduduk tempatan yang beragama Islam walaupun Brooke bergiat aktif dalam memberikan sokongan kepada penyebaran ajaran Kristian (Ruciman, 1960, 131).

Namun, sikap Brooke yang bertolak ansur dengan penganut agama Islam sebenarnya bertujuan untuk mengukuhkan kekuasaan politik mereka di Sarawak dan bimbang akan hilang sokongan daripada pembesar-pembesar Melayu yang sangat berpengaruh pada masa itu. Bagi meraih sambutan masyarakat pribumi, pihak Brooke telah menerbitkan dan mencetak beberapa jenis buku yang bertujuan untuk mentafsir ajaran agama Kristian ke dalam bahasa yang mudah difahami yang dikhususkan kepada golongan masyarakat Dayak, Iban, dan Bidayuh. Buku yang diterbitkan telah diterjemahkan dalam loghat mengikut kawasan diterbitkan. Intipati buku yang diterjemahkan adalah berkaitan dengan cara sembahyang yang telah diterapkan dalam agama Kristian. Tiga loghat buku yang diterjemahkan itu berjudul (Sarawak Museum Department, 1950, 234):

1. *Buk Sembahyang* disunting oleh Fr L. Schwabl (Bau)
2. *Semiang Adat Kristen* disunting oleh Fr. A Mak (Sadong)
3. *Surat Semiang Inya Bidayuh* disunting oleh Fr J. Meeha (Bidayuh)
4. *Simayang Bidayuh Katolik* disunting oleh Fr B. Welling (Bidayuh)

Kebijaksanaan pihak pendakwah yang telah menterjemahkan ajaran agama Kristian ke dalam bahasa yang mudah difahami oleh masyarakat pribumi telah menyebabkan agama Kristian diterima dengan mudah oleh masyarakat. Hal ini dikaitkan dengan masyarakat di kawasan Kuching yang kebanyakan populasinya adalah dalam kalangan etnik asli seperti Dayak, Iban, dan Bidayuh. Mereka merupakan etnik yang mengamalkan kepercayaan animisme dan tidak mempunyai pegangan agama. Kumpulan



etnik ini merupakan etnik asal yang mempelopori seluruh kawasan Sarawak dan berbeza dengan etnik Melayu dan Melanau yang hanya tertumpu di kawasan Kuching dan Mukah.

Setelah penyebaran agama Kristian bergiat aktif di Sarawak, majoriti etnik pribumi Sarawak telah menganuti ajaran agama Kristian. Sehingga kini penganut agama Kristian merupakan populasi majoriti berbanding penganut agama Islam, Buddha dan lain-lain agama di Sarawak (Hashim, 2013, 14-15). Perkembangan ajaran Kristian telah membawa kepada pembinaan gereja di Kuching untuk kemudahan beribadat penganut agama Kristian. Pembinaan gereja hanya dibina di kawasan bandar, iaitu di sekolah lelaki St. Thomas dan setelah masyarakat Dayak menerima agama Kristian, pihak koloni telah membina gereja di kawasan pedalaman, misalnya di kawasan Batang Lupar (Sarawak Gazette, 16 April 1912, 6). Penyebaran agama Kristian dalam kalangan masyarakat Dayak telah memberikan impak positif terhadap kehidupan seharian mereka. Melalui penerimaan agama Kristian ini telah banyak membantu masyarakat Dayak menghakis budaya kepercayaan animisme, membuang tradisi memenggal kepala, kepercayaan tahyul, serta memuja hantu (Sarawak Gazette, 6 Ogos 1911, 162).

Penggunaan Bahasa Inggeris

Sarawak mempunyai pelbagai etnik dan bangsa sehinggakan wujudnya pelbagai bahasa dan loghat. Kepelbagaian etnik asli seperti Melayu, Melanau, Dayak, Kelabit, Murut. Kenyah dan sebagainya telah menyebabkan James Brooke mengambil langkah mudah dengan menggunakan bahasa Inggeris untuk menyatupadukan masyarakat yang pelbagai di Sarawak. Sepanjang pemerintahan Brooke, bahasa Inggeris menjadi bahasa pengantar dan bahasa rasmi semasa pengendalian majlis penting di Sarawak.

Semasa penyebaran agama Kristian, bahasa memainkan peranan penting dalam medium penyampaian. Semasa penjajahan, pihak koloni telah menjadikan bahasa Inggeris, Perancis dan British sebagai bahasa kebangsaan mengikut kawasan di bawah taklukan mereka (Rooney, 1981, 137). Abad ke-18 merupakan fasa penting dalam misi penyebaran ajaran agama Kristian ke kawasan Asia Tenggara kerana ia merupakan detik permulaan penjajahan pihak Inggeris. Faktor kepelbagaian etnik dan bangsa telah menyebabkan pihak penjajah berusaha untuk memahami bahasa etnik asli dan menterjemahkan kitab injil ke dalam bahasa yang mudah difahami oleh masyarakat tempatan. Hal ini telah dilaksanakan oleh badan pendakwah Katolik di bawah pengelolaan rejim Brooke di Kuching. Salah satu cara mereka menarik masyarakat Dayak untuk menganuti dan mendalami agama Kristian adalah dengan menterjemahkan buku ke dalam bahasa Iban, Dayak dan Bidayuh serta bahasa Inggeris telah diterapkan dalam kalangan masyarakat pribumi bagi memudahkan komunikasi antara pihak penjajah dengan masyarakat pribumi di Sarawak.

Melalui bahasa Inggeris juga telah membantu masyarakat Dayak di Kuching untuk menerima pendidikan yang telah memberikan impak positif dalam perkembangan sosial mereka. Perkembangan dalam pendidikan ini telah membantu masyarakat Dayak untuk mendapatkan peluang pendidikan selaras dengan komuniti masyarakat pribumi yang lain. Kenyataan ini boleh dilihat dalam sebuah surat yang ditulis oleh Miss Weena Chung yang merupakan salah seorang penyelia pemerintah kerajaan bagi sekolah mubaligh perempuan, iaitu St. Mary, Kuching. Beliau telah menulis surat menggunakan tiga bahasa yang berlainan tetapi mempunyai maksud yang sama, iaitu menggunakan bahasa Inggeris, Bidayuh dan Iban (District Office, 1950).

Bahasa Inggeris:

Madam,

This is the remind you that on Saturday 7th October 1950 at 9.am, you should be ready at Batu Lintang Training Centre to sit for your entrance examination.

Bahasa Bidayuh:



*Piminyu daya simuti,
Ati ngyen puan di ku'u anu Sebtu 7th October 1950 nga pukor
9 isan2 ku'u duh shiun duh agi sidia di Sikura Batu Lintang
yun guru pisuba ditu so ku'u bias dog piburut birajar ka
manu.*

Bahasa Iban:

*Alam jako Sibuo bakatu,
Tu Surat madah ka kuwa pada hari Sebtu 7th October 1950,
jam pukor 9 pagi kuwa enda tao enda bisi sidia di sekolah
Batu Lintang Labar ka masok preksa bedau kuwa tau diterima
belajar dia.*

Surat ini dikeluarkan oleh pihak koloni bagi pelajar sekolah mubaligh yang ingin meneruskan pengajian mereka ke tahap yang lebih tinggi, iaitu di Pusat Latihan Batu Lintang. Syarat utama untuk menyambung pengajian adalah pelajar mestilah boleh berkomunikasi dalam bahasa Inggeris, Melayu atau Dayak (Education Department, 1950). Walaupun bahasa Melayu dan Dayak dibenarkan, tetapi pelajar diwajibkan menguasai bahasa Inggeris kerana ia merupakan bahasa pengantar utama semasa pemerintahan Brooke dan sekolah Melayu juga turut menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama.

Penguasaan bahasa Inggeris akan memudahkan pelajar untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi dan mendapat peluang pekerjaan yang telah disediakan oleh pihak koloni. Kenyataan ini telah dicatatkan di dalam sebuah rekod District Office (1952) yang menyatakan bahawa semua pelajar yang ingin meneruskan pengajian di Pusat Latihan Batu Lintang perlu melepasi ujian kemasukan dengan memilih soalan arimetik dalam bahagian bahasa Melayu, Inggeris atau Dayak. Di samping itu, pelajar diwajibkan mengambil ujian khas bahasa Inggeris sebanyak dua kali yang berlangsung selama tiga minggu dalam bulan September, dikendalikan oleh penyelia umum atau seseorang yang telah dilantik oleh Pegawai Pejabat Daerah (District Office, 1952). Setelah melepasi ujian tersebut, pelajar akan diberikan borang permohonan untuk memasuki Pusat Latihan Batu Lintang (District Office, n.d.).

Penerapan bahasa Inggeris dalam kalangan masyarakat pribumi Sarawak telah menyebabkan penguasaan bahasa ini lebih meluas di Kuching sehingga ia memberi kesan kepada Sarawak semasa penyertaannya dalam pembentukan negara Malaysia. Walau bagaimanapun, penyertaan Sarawak dalam Malaysia telah menyebabkan penggunaan bahasa Inggeris telah ditukar kepada bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan (Leigh, 1974, 88). Namun, masyarakat Sarawak tidak menerima cadangan tersebut kerana majoriti kumpulan etnik di Sarawak telah mencatatkan kadar celik di mana pada tahun 1960, 98 peratus populasi di Sarawak telah menguasai bahasa Inggeris manakala hanya 70 peratus yang menguasai Bahasa Melayu. Penguasaan bahasa Inggeris ini berkait rapat dengan perkembangan sistem pendidikan yang berasaskan bahasa Inggeris yang pesat di Sarawak terutamanya di bahagian Kuching kerana ia merupakan pusat pemerintahan Brooke pada masa itu.

Permasalahan ini berlanjutan sehingga pemimpin etnik Dayak pada waktu itu menentang keras tindakan Perdana Menteri yang pertama, iaitu Tunku Abdul Rahman yang mencadangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Namun, bagi Tunku Abdul Rahman, penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat di Sarawak tidak mendatangkan masalah kerana kaum Dayak tidak menggunakan bahasa Iban sebagai bahasa pengantar, malah menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi (Sarawak Native Teachers Association, n.d.). Sehubungan itu, bagi membentuk negara bangsa, Tunku telah menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan untuk menyatupadukan seluruh rakyat di Persekutuan Tanah Melayu dan Borneo.



Pada mulanya, pemimpin Dayak tidak bersetuju kerana hampir 90 peratus masyarakat Dayak boleh bertutur dan menguasai bahasa Inggeris dengan baik berbanding bertutur dalam bahasa Melayu. Bukan hanya masyarakat Dayak tetapi masyarakat Melayu turut menguasai bahasa Inggeris kerana pemerintahan Brooke sangat menekankan penggunaan bahasa Inggeris dalam pendidikan. Malah Bahasa Inggeris dijadikan bahasa pengantar semasa mengendalikan majlis rasmi. Namun, Tunku bertegas mengatakan sekiranya masyarakat Dayak masih menginginkan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi ia bermakna kaum itu masih terikat dengan pengaruh imperialisme British yang mengagungkan bahasa ibunda mereka. Walau bagaimanapun, pada tahun 1973, Tunku telah bersetuju untuk mengekalkan penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dalam urusan rasmi di Sarawak dan penggunaan kedua bahasa itu masih kekal sehingga kini.

Penyerapan Budaya Barat

Penjajahan Brooke ke Sarawak telah membawa perubahan besar dalam kehidupan seharian masyarakat pribumi Sarawak khususnya bagi etnik Melayu yang pada mulanya dipengaruhi dengan budaya Islam telah bertukar kepada budaya barat terutamanya dari segi pemakaian dan dunia hiburan. Perubahan dari aspek budaya ini sebenarnya merupakan proses pembaratan yang telah diterapkan oleh pihak koloni dalam kehidupan masyarakat Islam.

Sepanjang pemerintahan Brooke, beliau telah membawa perubahan dari aspek hiburan dan imej pemakaian masyarakat Melayu. Perkembangan dalam aspek hiburan telah membawa kepada penubuhan pelbagai persatuan. Antaranya ialah *Kampung Tanjung Kesenangan Club* (1926), *Sarawak Club* (Sarawak Gazette, 1 Jun 1926, 134-138), *Club Snooker Pool Tournament* (Sarawak Gazette, 1 March 1926, 117), *Sarawak Turf Club* (Sarawak Gazette, 1 Mei 1926, 56) dan lain-lain, yang telah mengubah corak kehidupan masyarakat Melayu beragama Islam di Sarawak. Bagi mengawal segala aktiviti masyarakat Islam di Sarawak, Brooke telah mewujudkan Balai Datu yang akan menjadi pusat perbincangan hal ehwal agama Islam dan menjadi medium utama untuk memantau perkembangan agama Islam di Kuching. Oleh itu, Brooke akan sentiasa peka terhadap perkembangan agama Islam dan boleh mengawal segala aktiviti yang telah dijalankan oleh orang Melayu pada ketika itu.

Semasa pemerintahan Brooke, terdapat beberapa hiburan yang popular dalam kalangan masyarakat Melayu. Antara hiburan yang diperkenalkan ialah aktiviti bergendang. Aktiviti 'bergendang' telah dicatatkan di dalam Sarawak Gazette pada 2 Disember 1935 yang bertajuk "*Is 'Gendang Tanda' An Entertainment?*" (Sarawak Gazette, 2 Disember 1935, 2) yang menceritakan keadaan orang Melayu yang sangat menyukai hiburan. Aktiviti bergendang ini semakin popular dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak setelah Raja Putih yang ketiga, iaitu Charles Vyner Brooke menganjurkan pertandingan bergendang di Astana sebagai sebuah hiburan dalam kalangan masyarakat Melayu di Kuching. Seluruh masyarakat Melayu di Kuching dijemput hadir untuk menyertai pertandingan ini. Dalam pertandingan ini, rebana (*drums*) akan menjadi alat muzik untuk memulakan pertandingan. Apabila rebana dipukul pihak wanita akan memulakan pantun dan setiap pantun yang diajukan akan dibalas oleh pihak lawan. Dalam masa yang sama, pihak lelaki akan memulakan tarian mereka dengan sarung atau kain pelikat.

Selain dijalankan di Astana, aktiviti bergendang turut dilaksanakan di kampung meskipun hiburan ini mendatangkan kerisauan kepada golongan agama. Ini kerana aktiviti bergendang melibatkan pergaulan bebas antara kaum lelaki dan wanita terutamanya golongan muda (Sarawak Gazette, 1935, 2). Aktiviti bergendang ini berjalan sehingga menjelang subuh dan ia akan memberi kesan terhadap golongan anak muda. Sebagai contohnya, bagi pemukul rebana, mereka akan mengalami keletihan pada fizikal. Selain itu, ia akan menjejaskan kualiti pekerjaan kerana golongan pekerja tidak cukup rehat disamping aktiviti bergendang juga turut mengganggu masa rehat orang lain kerana situasi bergendang yang sangat bising. Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini, ketua kampung atau *Tua Kampong* telah mengawal aktiviti bergendang dengan menetapkan masa bagi menjalankan aktiviti tersebut bermula pada jam 7.00 malam sehingga 12.00 malam sahaja.



Selain pengaruh dunia hiburan, kesan penularan budaya barat ini juga boleh dikesan melalui perubahan yang terjadi dalam fesyen dan pakaian masyarakat Muslim. Sebahagian masyarakat Melayu di Kuching mula menggantikan pakaian tradisional mereka dengan pakaian 'baharu dan moden'. Perubahan ini telah menimbulkan perdebatan yang hangat dalam kalangan masyarakat Muslim kerana mereka melihat perkembangan ini dengan pandangan yang berbeza. Bagi golongan yang mendokong kemodenan demi kemajuan bangsa, perkembangan tersebut dianggap sebagai petanda kemajuan, manakala sebahagian Muslim yang lain menganggap perkembangan ini sebagai permulaan kepada keruntuhan dan kehilangan identiti mereka.

“During the last few years, the traditional dress of the Malay appears largely to have given way to gaudy neckties, blazers and bell bottom trousers. This seems a pity. Visitors from Malaya where national dress is far more generally worn that it is here cannot fail to be unfavourably impressed and it seems Government might take the lead by insisting on all Malay costumes in the office.” (Sanib, 1980, 185)

Melalui kenyataan tersebut, kritikan terhadap pakaian lelaki bukanlah isu yang dibahaskan dengan meluas kerana pakaian lelaki tidak melibatkan isu-isu sensitif terhadap masyarakat pada waktu itu. Hal ini berbeza dengan isu pemakaian dan fesyen yang dipakai oleh golongan wanita yang dianggap bertentangan dengan agama, adat dan adab dalam masyarakat Muslim ketika itu kerana ia berkaitan dengan pendedahan aurat golongan wanita. Dengan itu, budaya pemakaian yang dianjurkan oleh orang Barat adalah bertentangan dengan ajaran agama Islam kerana Islam sangat mengiktiraf kedudukan wanita dalam masyarakat. Ini kerana, kedudukan wanita dipandang tinggi dan dimuliakan dalam Islam (Kamarulnizam, 2013, 93).

Ringkasnya, penyebaran agama Kristian dan pengenalan pendidikan Inggeris adalah titik permulaan penyerapan budaya Barat dalam kalangan masyarakat pribumi Sarawak dan perubahan yang ketara adalah melibatkan kebudayaan masyarakat Melayu Sarawak. Penularan pembaratan ini telah berjaya mempengaruhi masyarakat pribumi Sarawak kerana kestabilan kedudukan politik pemerintah, dan ia menjadi satu peluang kepada pihak koloni untuk menyebarkan pengaruhnya kerana mendapat sokongan majoriti dalam kalangan masyarakat Sarawak terutamanya dari golongan etnik Dayak.

Perubahan Sosial Masyarakat

Perkembangan pendidikan telah membawa perubahan dalam aspek sosial masyarakat Sarawak khususnya dalam menyediakan peluang pekerjaan yang memberi keutamaan kepada lepasan golongan yang mendapat pendidikan dari sekolah mubaligh. Misalnya, pelajar dari sekolah mubaligh yang telah menamatkan persekolahan dan ingin menyambung pengajian ke peringkat universiti akan diberikan keutamaan dan diberikan biasiswa (Public Record Office, n.d., 27).

Buktinya, pihak kerajaan telah berjaya menghantar pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara di bawah program ‘Colombo Plan’ dengan kerjasama *Technical Cooperation*. Melalui program ini, beberapa orang pelajar wanita dari Kuching telah dihantar ke New Zealand untuk mengikuti program kursus pergigian yang telah ditawarkan oleh Jabatan Kesihatan di New Zealand. Sebagai contoh, pada tahun 1951, dua orang pelajar wanita daripada sekolah mubaligh Kuching telah mendapat anugerah sebagai pakar pengajaran khusus dalam bidang pergigian oleh Kerajaan Persekutuan New Zealand. Sehubungan itu, kejayaan yang dicipta oleh pelajar ini menunjukkan perkembangan sosial dalam kalangan masyarakat Sarawak sehingga ia membuka ruang pekerjaan yang lebih luas.

Program ‘Colombo Plan’ yang dibuka di Singapura telah menawarkan pelbagai program kemahiran yang bersesuaian dengan mata pelajaran yang diambil oleh pelajar. Antara program yang ditawarkan oleh pihak koloni ialah *“Inland Revenue (Hasil Dalam Negeri), Housing (Perumahan),*



Telecommunications (Telekomunikasi), *Postal Service* (Perkhidmatan Pos), *Marine* (Marin), *Civil Aviation* (Penerbangan Awam), *Health* (Kesihatan), *Local and Muslim Law* (Undang-undang Tempatan dan Islam), *Fire Fighting* (Peyelamat Kebakaran), *Education* (Pendidikan), *Engineering* (Kejuruteraan), *Architecture* (Seni Bina), *Accountancy* (Akauntan), *Customs* (Kastam), *Seamen's Welfare* (Kebajikan Pelaut), *Social Welfare* (Kebajikan Sosial), *Fisheries* (Perikanan), *Printing* (Percetakan), *Botanic Studies* (Kajian Botani) dan *Broadcasting* (Penyiaran) (Resident First Division, 1963).

Setiap kursus yang ditawarkan kepada pelajar mempunyai tempoh latihan dan syarat wajib lulus di setiap mata pelajaran berdasarkan kriteria kemahiran yang dipohon. Kemahiran ini ditawarkan kepada pelajar yang telah menamatkan pengajian mereka di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Kelebihan program ini adalah untuk melahirkan pekerja yang berkemahiran kerana sebelum peserta mendapatkan pekerjaan yang ditawarkan oleh pihak koloni, peserta akan menjalani kursus kemahiran berkaitan dengan ruang lingkup pekerjaan mereka.

Perkembangan sekolah mubaligh dan penyebaran ajaran agama Kristian dalam kalangan masyarakat Dayak telah berjaya mengubah cara hidup masyarakatnya kerana ia merupakan titik permulaan masyarakat menjadi lebih bertamadun dan mengenal dunia luar. Penubuhan pendidikan sekolah mubaligh telah membuka mata pemimpin tempatan tentang pentingnya untuk mendapatkan keperluan pendidikan bagi membangunkan sesebuah masyarakat. Selaras dengan perkembangan ini, sekolah Dayak telah ditubuhkan ekoran daripada kesedaran yang semakin meningkat dalam kalangan Dayak untuk mendapatkan keperluan pendidikan bagi anak-anak mereka (Director of Education, 1940).

Kesimpulan

Rumusannya, pembukaan sekolah mubaligh di Kuching telah memberikan pelbagai impak terhadap masyarakat Sarawak khususnya di kawasan Kuching kerana melalui pendidikan sekolah mubaligh telah mengubah cara pemikiran, cara hidup serta kepercayaan golongan masyarakat Dayak. Selain itu, kesan perkembangan sekolah mubaligh juga telah membawa kepada penyebaran agama Kristian dan penggunaan bahasa Inggeris sebagai medium komunikasi. Menerusi perantara bahasa Inggeris, masyarakat Dayak di Kuching mudah untuk mendapat peluang pendidikan dan telah memberikan impak positif dalam perkembangan sosial mereka, sekali gus memberikan peluang pekerjaan yang telah disediakan oleh pihak koloni. Akhir sekali, kesan penubuhan sekolah mubaligh turut membawa perubahan sosial terhadap masyarakat Melayu di Kuching pada masa itu kerana ianya merupakan titik permulaan penyerapan budaya Barat dalam kalangan orang Melayu yang bertentangan dengan ajaran agama Islam.

Rujukan

- Cooper, A. M. (1968). *Men of Sarawak*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Director of Education. (1940). *Dayak schools*. Ref: No. 23 in DE, 30, 4th July.
- District Office. (1950). *Resident first division, education: Scholarship & High Education Teacher Training Institution, H-8/1*. Kuching, Sarawak.
- District Office. (1952). *Student teacher admission to Batu Lintang, Jan. 1963. Grade III*, Ref: No.4 in Edu/BL/ 3/52, Kuching, Sarawak.
- District Office. (n.d.). *Application form for admission to Batu Lintang Training Centre grade iii (Student Teacher)*. Ref: No. 11/53/ A.
- Education Department. (1950). *Women student teacher for Batu Lintang*. Ref: No. 27 in Ed. 262/1, Kuching, Sarawak.
- Hashim, F. Y. (2013). *Kedudukan orang Melayu Sarawak di bawah penjajahan British 1946-1963*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarulnizam, A. (2013). *The politics of Islam in contemporary Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.





- Leigh, M. B. (1974). *The rising moon: Political change in Sarawak*. Australia: Sydney University Press.
- Principal SMK St. Teresa Kuching, Sarawak. (n.d.). Sejarah Penubuhan Sekolah Mubaligh di Sarawak. [Interview].
- Public Record Office. (n.d.). *Higher Education*, Ref: CO 1022/291, 27.
- Resident First Division. (1963). *Education scholarship & High Education Teacher Training Institution: Training sources available in Singapore under the Colombo Plan in 1963*. Reference No. H 8/1.
- Rooney, J. (1981). *A history of the Catholic Church in East Malaysia and Brunei (1880-1976)*. PhD thesis. London: SOAS University of London.
- Ruciman, S. (1960). *The white Rajahs: A history of Sarawak from 1840 to 1946*. London: Cambridge University Press.
- Sanib, S. (1980). *Islam di Sarawak: Sejarah ringkas 1476-1941*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Sarawak Gazette*, 1 Jun 1926, 134-138.
- Sarawak Gazette*, 1 March 1926, 117.
- Sarawak Gazette*, 1 Mei 1926, 56.
- Sarawak Gazette*, 16 April 1912, 6.
- Sarawak Gazette*, 2 Disember 1935, 2.
- Sarawak Gazette*, 6 Ogos, 1911, 162.
- Sarawak Museum Department. (1950). Culture in the new reality. *The Sarawak Museum Journal*, 234.
- Sarawak Native Teachers Association. (n.d.). *National language as a medium of instruction.*, Ref: No 653, 2.
- Sugeng Priyadi, M. H. (2012). *Metode penelitian Pendidikan Sejarah*. Yogyakarta: Penerbit Ombak (Anggota IKAPI).

